

21 JUL 2000

Mahathir-Silat

PERTUBUHAN SILAT BOLEH TERUSKAN KEGIATAN ASAL TAK MENYELEWENG

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus membenarkan pertubuhan silat menjalankan kegiatan masing-masing asalkan mereka tidak menyeleweng daripada matlamat sebenar.

Bagaimanapun, kerajaan akan terus memantau kegiatan pertubuhan seumpama itu bagi memastikan mereka tidak menjalankan kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara, katanya.

"Badan-badan yang menganjurkan silat boleh meneruskan kegiatan masing-masing tetapi jika kita dapat maklumat ada cita-cita lain daripada itu kita akan mengambil tindakan," kata Dr Mahathir pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini malam ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata ekoran insiden rompakan senjata oleh kumpulan Al-Ma'unah yang membawa kepada pembunuhan dua orang tebusan di Bukit Jenalek, Sauk baru baru ini, kerajaan kini lebih berwaspada dengan kegiatan badan-badan seumpama itu.

" Kita tidak boleh tunggu sehingga benda berlaku baru ambil tindakan .. kita lihat apa yang terjadi apabila kita relaks.

"Sebenarnya apabila mereka (kumpulan Al-Ma'unah) berlatih dengan menggunakan pelbagai peralatan dan iklankan dalam Harakah supaya menyertai gerakan mereka kita pandang ringan seolah-olah tidak ada sesuatu yang buruk.. kita tahu sekarang kegiatan ini membawa kepada keburukan," katanya.

Beliau berkata dengan itu kerajaan akan mengawasi gerakan seperti itu dengan lebih dekat dan serius termasuk kegiatan mereka yang menghasut supaya diambil tindakan ganas.

"Yang penting kita akan mengawasi orang yang berminat untuk menghasut supaya berlaku rusuhan dalam negara dan kita akan tentukan ianya tidak berlaku," katanya.

Megenai sama ada anggota kumpulan Al-Ma'unah yang ditangkap oleh pihak berkuasa akan dikenakan tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) Dr Mahathir berkata "ia belum ditentukan."

Beliau berkata sungguhpun begitu, ISA adalah undang-undang negara dan kerajaan tidak akan melanggar undang-undang itu.

"Kita tidak suka menggunakan (ISA) tetapi jika terpaksa guna untuk keselamatan negara dan rakyat, kita tidak akan teragak-agak menggunakannya terutama terhadap mereka yang cuba mencetuskan huru-hara," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata kejadian di Sauk mengembirakan pemberita asing kerana mereka dapat menggambarkan kepada dunia bahawa Malaysia yang selama ini stabil dan aman telah berlaku keganasan.

-- BERNAMA

AKT FAZ